



50 pelajar tingkatan 1 ikuti pengajian di Usim

NILAI - Pusat Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menerima kumpulan sulung seramai 50 orang pelajar berusia 13 tahun yang akan mengikuti pengajian peringkat menengah asas 1 atau tingkatan 1 di Kolej Permata Insan Usim, di sini.

Kumpulan pertama yang mendaftar terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 20 perempuan itu merupakan pelajar terpilih

dari seluruh negara.

Pengarah Pusat Permata Insan, Prof. Datuk Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim berkata, matlamat penubuhan Permata Insan hasil kesinambungan program Permata.

"Ya adalah untuk menjana cendekiawan Islam dalam kalangan anak-anak Islam yang boleh dibanggakan," katanya pada sidang media di sini, semalam.